

# Pendidikan, latihan berterusan percuma bagi 16,000 lulusan baru 6 varsiti autonomi

Tawaran empat modul bertujuan bantu siswazah akses lebih banyak peluang dalam sektor pekerjaan berbeza

MULAI bulan depan, 16,000 lulusan baru enam universiti berautonomi di sini boleh menyertai empat modul pendidikan dan latihan berterusan (CET) yang ditawarkan universiti mereka secara percuma.

Dalam satu kenyataan bersama semalam, Kementerian Pendidikan (MOE) dan enam institusi itu berkata langkah itu bertujuan membantu mereka mengakses lebih banyak peluang dalam sektor pekerjaan yang berbeza.

Menurut kenyataan itu:

"Ini dengan pengiktirafan bahawa dengan prospek ekonomi yang tidak menentu, sesetengah lulusan baru mungkin mahu meneruskan pembelajaran mereka dan meraih kemahiran tambahan bagi melengkapi kecekapan yang diperolehi semasa tahun-tahun pengajian mereka."

Semua rakyat Singapura dan Penduduk Tetap (PR) yang tamat pengajian kursus sarjana muda sepenuh masa mereka tahun ini akan meraih manfaat daripada langkah tersebut.

Mereka boleh memilih antara 1,700 modul CET dalam bidang seperti robotik canggih, analitik data, sains data, kewangan, komunikasi profesional dan pemikiran sistem.

SkillsFuture Singapura (SSG) akan menyediakan subsidi 70 peratus bagi yuran kursus, dengan universiti akan memberi subsidi bagi bakiannya.

MOE berkata semua lulusan juga akan menerima sokongan lebih rapid daripada pejabat kerjaya universiti dalam pencarian pekerjaan.

Menteri Pendidikan, Encik Ong Ye Kung, dalam satu catatan Facebook semalam berkata:

"Penuntut tahun akhir di universiti berautonomi (AU) kita akan tamat pengajian di tengah-tengah pasaran buruh yang amat lemah.

"Namun, saya mahu memberi jaminan kepada anda bahawa MOE dan AU anda menyokong anda sepenuhnya."

Beliau menggalak lulusan me-



**TERUS TINGKATKAN KEMAHIRAN:** Lulusan baru daripada enam universiti berautonomi di sini boleh menyertai empat modul pendidikan dan latihan berterusan (CET) yang ditawarkan universiti mereka secara percuma mulai bulan depan. – Foto fail

nyertai modul CET bagi memperluas kemahiran mereka meskipun jika ia tiada kaitan dengan disiplin pengajian mereka dan untuk mempertingkatkan menyertai program latihan bagi membina kemahiran industri dan rangkaian profesional.

Lulusan baru juga mempunyai 8,000 peluang latihan dibayar menerusi Program Pelatih SGUnited

yang dikendalikan Kementerian Tenaga Manusia (MOM) dan agensi Tenaga Kerja Singapura (WSG).

Lebih 4,000 peluang latihan ditawarkan oleh lebih 280 pertubuhan sektor privat, pemerintah dan institusi pengajian tinggi di bawah program itu sejauh ini.

Pemerintah akan membiayai 80 peratus eluan latihan program itu dan bakiannya akan dibayar syarikat.

Semalam, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) juga memberi perincian lanjut tentang pakej bantuan Covid-19 barunya yang diumumkan awal minggu ini untuk membantu penuntut yang berdepan masalah kewangan.

Semua 5,700 penuntut tahun akhir pada tahun ini akan menerima lebih banyak kredit bagi kursus yang boleh disertai sebagai alumni di

samping empat modul CET yang boleh disertai itu secara percuma.

Dalam satu kenyataan, NTU berkata mereka akan mendapat tambahan \$1,600 dalam kredit alumni, yang boleh digunakan untuk membayai yuran kursus CET.

Kredit itu sah digunakan sehingga Jun 2021 dan tambahan di samping \$1,600 dalam kredit sedia ada bagi semua alumni.



"Penuntut tahun akhir di universiti berautonomi (AU) kita akan tamat pengajian di tengah-tengah pasaran buruh yang amat lemah.

Namun, saya mahu memberi jaminan kepada anda bahawa MOE dan AU anda menyokong anda sepenuhnya."

– Encik Ong Ye Kung, Menteri Pendidikan, dalam satu catatan Facebook semalam.